

# ANALISIS UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL TERMA DALAM KONTRAK PELESENAN PATEN UNTUK PENGKOMERSIALAN

*(Analysis of Laws Governing Terms in Patent Licensing  
Contracts for Commercialisation)*

*Haliza A. Shukor\**  
hliza@usim.edu.my

*Intan Nadia Ghulam Khan*  
intan@usim.edu.my

*Hasnizam Hashim*  
hasnizam@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): \*

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Haliza A. Shukor, Intan Nadia Ghulam Khan & Hasnizam Hashim. (2022). Analisis undang-undang yang mengawal terma dalam kontrak pelesenan paten untuk pengkomersialan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 34(2), 301-320. [https://doi.org/10.37052/kanun.34\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.34(2)no6)

Peroleh: <i>Received:</i>	16/3/2022	Semakan: <i>Revised</i>	9/5/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	28/6/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	5/7/2022
------------------------------	-----------	----------------------------	----------	-----------------------------	-----------	---	----------

## Abstrak

Kontrak lesen ialah satu bentuk kontrak yang dibuat secara bertulis berdasarkan pada terma yang dipersetujui antara pihak-pihak yang berkontrak berkaitan dengan pelesenan paten. Kontrak lesen merupakan salah satu cara eksploitasi harta intelek yang dibuat bagi tujuan mengkomersialkan reka cipta yang telah dipatenkan. Kajian lepas mendapati bahawa salah guna hak paten oleh pihak-pihak yang berkontrak boleh berlaku melalui terma-terma yang dimasukkan dalam kontrak lesen tersebut. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis peruntukan undang-undang yang mengawal terma dalam kontrak lesen. Bagi mencapai objektif tersebut, makalah ini

mengguna pakai kaedah kepustakaan dan analisis dokumen perundangan yang berkaitan seperti akta, kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah, buku, dan jurnal. Hasil kajian menunjukkan terdapat peruntukan undang-undang di Malaysia yang mengawal terma yang dimasukkan dalam kontrak pelesenan paten. Namun begitu, penambahbaikan perlu dibuat terhadap peruntukan undang-undang tersebut bagi tujuan melancarkan pelaksanaan kontrak pelesenan paten.

Kata kunci: Harta intelek, terma, paten, kontrak lesen, pengkomersialan, Malaysia

### **Abstract**

*A licence contract is a form of contract entered into in writing, based on terms agreed upon between the contracting parties relating to patent licensing. It is one of the ways of exploiting intellectual property made for the purpose of commercializing patented inventions. Previous studies have found that misuse of patent rights by contracting parties can occur through the terms included in the licence contract. Therefore, this article aims to identify the law and analyse its provisions governing the terms in the licence contract. To achieve this objective, this article uses the library research for the analysis of relevant legal documents such as Acts, decided cases, books, and journals. The findings show that there are legal provisions in Malaysia that govern the terms included in patent licensing contracts. However, improvements need to be made to the legal provisions for the purpose of facilitating the implementation of patent licensing contracts.*

*Keywords: Intellectual property, terms, patent, license contract, commercialisation, Malaysia*

## **PENDAHULUAN**

Perjanjian lesen menurut *Kamus Undang-Undang Ensiklopedia* merujuk pada “pengurniaan lesen yang membenarkan penggunaan paten, cap dagangan atau teknologi lain” (AR Biswas, 2008). Perjanjian pelesenan paten lazimnya dimeterai melalui proses rundingan antara pemberi lesen dengan penerima lesen kerana sifatnya sebagai kontrak yang mengikat pemberi lesen dan penerima lesen (Daniel, 2020). Perjanjian pelesenan paten atau kontrak lesen seperti yang dirujuk dalam Akta Paten 1983 ialah “Apa-apa kontrak di mana pemilik paten (pemberi lesen) memberikan

kepada orang lain atau perusahaan (pemegang lesen) lesen untuk melakukan apa-apa atau semua tindakan yang disebut dalam seksyen 36(1)(a)”, iaitu berkaitan dengan hak eksklusif pemilik paten untuk mengeksploitasi ciptaan yang dipatenkan. Selain itu, pengkomersialan paten melalui pelesenan disebut dengan jelas dalam Akta Paten 1983, iaitu melalui seksyen 36(1)(c) yang memperuntukkan bahawa pemilik paten mempunyai hak eksklusif untuk memasuki kontrak lesen. Pendekatan utilitarian yang mewajarkan hak harta intelek selagi hak tersebut memberikan manfaat kepada masyarakat atau lebih dikenali sebagai teori kebajikan pengguna (Perot, 2014) memperlihatkan bahawa pelesenan paten membenarkan penyebaran manfaat dan penggunaan ciptaan yang dipatenkan kepada orang ramai dapat meningkatkan kebajikan pengguna.

Kontrak pelesenan paten tidak mempunyai bentuk tertentu. Oleh itu, terdapat kebebasan untuk menentukan klausa yang akan dimasukkan dalam kontrak tersebut (Bielefield & Cheesemen : 1999) (Layne-Farrar, & Stark, 2020). Kebebasan ini dikatakan berpunca daripada Undang-undang Paten yang memberikan monopoli kepada pemilik paten untuk mengeksploitasi paten mereka bagi tujuan komersial (See & Caprio, 1990). Diggins (1955), Miljkovic dan Vasic, (2017) dan Deepa (2019) berpandangan bahawa kebebasan tersebut boleh mengakibatkan penyalahgunaan hak paten.

Doktrin penyalahgunaan hak paten berasal dari Amerika Syarikat dan diwujudkan bagi menegakkan dasar awam serta bertindak sebagai pembelaan bagi kes pelanggaran hak paten. Sebagai contoh, sekiranya pelanggaran hak paten berlaku, individu yang melanggar hak paten tersebut boleh membangkitkan tuntutan bahawa pemilik paten telah menyalahgunakan hak yang diberikan oleh paten tersebut. Kesan tuntutan sedemikian, jika berjaya, mahkamah akan enggan memberikan sebarang *relief* kepada pemilik paten sehingga pemilik paten menghentikan perbuatan penyalahgunaan tersebut.<sup>1</sup>

Dalam kes *Motion Picture*,<sup>2</sup> mahkamah memutuskan bahawa hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang paten adalah terhad, iaitu hanya untuk ciptaan yang terkandung dalam tuntutan paten. Pemilik paten tidak dibenarkan meluaskan skop paten melebihi hak yang telah diberikan dalam dokumen paten. Melalui kes ini, mahkamah berpendapat bahawa mesin yang digunakan bukan sebahagian daripada paten. Mahkamah mengatakan bahawa perbuatan tersebut adalah di luar skop pemberian paten, iaitu merupakan penyalahgunaan paten.

<sup>1</sup> *Mallinckrodt, Inc v Medipart, Inc.* 976 F.2d 700 (Fed. Cir. 1992).

<sup>2</sup> 243 U.S. 502 (1917).

Contoh lain seperti dalam kes *Morton Salt lwn Suppinger*,<sup>3</sup> iaitu berkaitan dengan mesin pembuatan garam yang dipatenkan. Namun begitu, pemilik paten mensyaratkan kepada pelesen untuk membeli garam tablet daripada pemilik paten sedangkan garam tablet tersebut tidak dipatenkan. Mahkamah dalam kes ini telah memutuskan bahawa pemilik paten telah menjalankan amalan yang tidak wajar, iaitu mengikat produk yang dipatenkan dengan produk yang tidak dipatenkan. Perbuatan ini merupakan penyalahgunaan hak paten oleh pemilik paten. Dalam kes *Windsurfing International lwn Comission*<sup>4</sup> perbuatan meluaskan skop paten menjangkau hak yang diberikan dalam dokumen paten yang memberikan kesan antipersaingan, juga merupakan penyalahgunaan paten.

Berdasarkan pada kes yang telah diputuskan oleh mahkamah berkaitan dengan penyalahgunaan paten, kajian oleh penyelidik terdahulu seperti Kligler (1948), Donnem (1969), Marquis (1972), Venit (1985) serta Miljkovic dan Vasic (2017) mendapati terdapat keperluan dari segi undang-undang untuk mengawal terma-terma yang dimasukkan di dalam kontrak lesen. Di Malaysia, Garis Panduan Hak Harta Intelek dan Undang-Undang Persaingan (MyCC, 2019) menyatakan secara jelas bahawa terdapat beberapa mekanisme undang-undang yang diwujudkan bagi tujuan mengawal penyalahgunaan hak pemilik paten melalui terma yang dimasukkan dalam kontrak lesen. Tambahan pula, Perjanjian Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS) juga membenarkan negara ahli menyediakan langkah-langkah tertentu untuk mencegah penyalahgunaan paten bagi memastikannya tidak menjejaskan pemindahan teknologi antarabangsa (Artikel 8.2 Perjanjian TRIPS).

Oleh yang demikian, makalah ini bermatlamat untuk mengenal pasti dan menganalisis undang-undang berserta peruntukan yang mengawal klausa yang dimasukkan dalam kontrak lesen paten. Perbincangan dimulai dengan Perjanjian TRIPS dan kontrak lesen, diikuti dengan perbincangan berkaitan dengan kontrak lesen di Malaysia yang meliputi dasar dan polisi berkaitan dengan pelesenan harta intelek serta bentuk dan ciri-ciri kontrak pelesenan paten. Perbincangan selanjutnya memberi fokus pada kawalan terma dalam kontrak lesen melalui perundangan di Malaysia dan diakhiri dengan kesimpulan serta cadangan penambahbaikan berdasarkan perbincangan yang telah dibuat.

---

<sup>3</sup> 314 U.S. 488 (1942).

<sup>4</sup> [1986] ECR 61.

## **PERJANJIAN TRIPS DAN KONTRAK LESEN**

Malaysia merupakan penandatanganan bagi Perjanjian TRIPS sejak tahun 1995 (<https://www.wto.org>). Perjanjian tersebut memfokuskan perbincangannya pada isu berkaitan dengan harta intelek (WIPO, 1997). Mukadimah Perjanjian TRIPS menggariskan hasrat perjanjian tersebut untuk mencapai dua objektif utama, iaitu, untuk mengurangkan halangan kepada perdagangan antarabangsa dan perlindungan hak harta intelek. Prinsip teras Perjanjian TRIPS mewajibkan negara ahli melaksanakan peruntukan yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Namun begitu, negara ahli bebas untuk memutuskan kaedah pelaksanaan peruntukan mengikut undang-undang negara masing-masing kerana Perjanjian TRIPS hanya menyediakan rangka kerja perundangan am berkaitan dengan pengurusan harta intelek (Artikel 8 Perjanjian TRIPS).

Kawalan undang-undang bagi terma dalam kontrak pelesenan paten telah disebut dalam Perjanjian TRIPS melalui Artikel 40.1 yang menyatakan bahawa beberapa amalan atau syarat pelesenan berkaitan dengan hak harta intelek berkemungkinan mempunyai kesan buruk terhadap perdagangan, dan menghalang pemindahan dan penyebaran teknologi. Sehubungan dengan itu, Artikel 40.2 menyatakan bahawa tiada apa-apa dalam Perjanjian TRIPS menghalang negara ahli daripada menyatakan dalam perundangan mereka amalan pelesenan atau syarat yang mungkin merupakan penyalahgunaan hak harta intelek yang mempunyai kesan buruk terhadap persaingan dalam pasaran.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa Perjanjian TRIPS membenarkan negara ahli mewujudkan peruntukan undang-undang yang bertujuan untuk mencegah penyalahgunaan hak harta intelek melalui terma dalam kontrak lesen yang berkemungkinan memberikan kesan terhadap persaingan dalam pasaran dan juga pemindahan teknologi.

## **BENTUK DAN CIRI-CIRI KONTRAK LESEN**

Kontrak lesen wujud dalam pelbagai bentuk, antaranya termasuklah pelesenan eksklusif, pelesenan bukan eksklusif dan pelesenan tunggal (Hodkinson, 1987, Zaid, 2006, Petrevska & Petrevska, 2015). Pelesenan eksklusif bermaksud hak untuk mengeksploitasi paten yang diberikan oleh pemberi lesen secara eksklusif hanya kepada pemegang lesen. Dalam hal ini, pemberi lesen juga tidak berhak untuk mengeksploitasi paten tersebut (Hodkinson, 1987). Bagi pelesenan bukan eksklusif, hak untuk mengeksploitasi paten yang telah dilesenkan masih boleh diteruskan oleh pemberi lesen. Pemberi lesen juga bebas untuk memberikan lesen

tambahan kepada pihak ketiga (Zaid, 2006). Perbezaan antara pelesenan tunggal dan pelesenan secara eksklusif pula adalah dari segi hak untuk memberikan lesen tambahan kepada pihak ketiga. Pelesenan tunggal menghalang pemberi lesen memberikan lesen tambahan kepada pihak ketiga, namun pemberi lesen tidak terhalang untuk mengeksploitasi paten yang telah dilesenkan (Hodkinson, 1987).

Di Malaysia, Akta Paten 1983 memperuntukkan bahawa pemilik paten boleh memberikan lesen eksklusif atau lesen bukan eksklusif kepada pemegang lesen. Seksyen 44(1) Akta Paten 1983 memperuntukkan seorang pemberi lesen boleh memberikan lesen bukan eksklusif kepada pemegang lesen dan melaksanakan apa-apa perbuatan yang diperuntukkan di bawah seksyen 36(1)(a) dan seksyen 36(3) daripada Akta Paten 1983.

Seksyen 44(2) Akta Paten 1983 secara tidak langsung memberikan pendefinisian berkaitan dengan pelesenan eksklusif. Melalui Seksyen 44(2) dalam akta tersebut, dapat difahami bahawa pelesenan paten eksklusif adalah apabila seorang pemberi lesen dihalang daripada memberikan suatu lesen kepada pihak ketiga, dan pemberi lesen itu sendiri dihalang daripada melaksanakan apa-apa perbuatan di bawah seksyen 36(1)(a) dan seksyen 36(3) Akta Paten 1983 jika suatu pelesenan paten eksklusif telah diberikan kepada pemegang lesen.

Meskipun tidak ada ciri-ciri tertentu bagi kontrak pelesenan paten (Nordhaus, 1966; Hodkinson, 1987; Bielefield & Cheesemen, 1999; Layne-Farrar & Stark, 2020), namun terdapat amalan memasukkan klausa tertentu dalam kontrak pelesenan paten, seperti klausa berkaitan dengan bayaran royalti, batas hak eksploitasi paten oleh penerima lesen dan mengenakan sekatan tertentu terhadap penerima lesen (Anderman & Schmidt, 2011). Contohnya sekatan berkaitan dengan pengenaan harga terhadap barang yang dijual, sekatan geografi terhadap penjualan barang, sekatan terhadap penjualan barang hanya kepada pengguna tertentu sahaja (Marquis, 1972; Anderman & Schmidt, 2011) dan sekatan terhadap penerima lesen yang menghalangnya daripada mencabar kesahihan hak paten yang dilesenkan (Rope, 2014).

Rumusan yang boleh dibuat berdasarkan perbincangan di atas ialah kontrak pelesenan paten tidak mempunyai ciri-ciri bentuk tertentu. Namun begitu, kontrak pelesenan mempunyai implikasi undang-undang yang berbeza terhadap pihak-pihak yang memasuki kontrak, bergantung pada klausa yang terkandung dalam kontrak tersebut. Kandungan klausa tersebut juga secara tidak langsung akan menentukan jenis kontrak lesen

paten yang dimeterai, iaitu sama ada kontrak pelesenan paten eksklusif, kontrak lesen paten bukan eksklusif atau kontrak lesen tunggal.

## **DASAR DAN POLISI BERKAITAN DENGAN PELESENAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA**

Di Malaysia, Dasar Harta Intelek Negara (DHIN) dan Polisi Pengkomersialan Harta Intelek Bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan menyediakan peruntukan berkaitan dengan pelesenan, sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti perbincangan di bawah.

### **Dasar Harta Intelek Negara**

Dasar Harta Intelek Nasional Malaysia (DHIN) yang dilancarkan pada bulan Julai 2007 oleh Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyediakan asas panduan dan peraturan berkaitan dengan harta intelek di Malaysia, sama ada dari segi perlindungan, penguatkuasaan dan eksploitasi harta intelek. Tujuan utama DHIN adalah untuk menggunakan harta intelek bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial di samping menjadi panduan utama untuk menggubal, menerapkan undang-undang yang berkaitan dengan harta intelek pada peringkat kerajaan, institusi penyelidikan serta institusi pengajian tinggi, organisasi bukan kerajaan dan juga sektor swasta. Di samping itu, DHIN diperlukan untuk memudahkan pembentukan persekitaran yang menggalakkan penciptaan, perlindungan, penguatkuasaan, pengurusan dan eksploitasi maksimum harta intelek dengan tujuan untuk mengembangkan industri harta intelek sebagai penggerak pertumbuhan masa depan negara.

Melalui DHIN ini, perkara berkaitan dengan pelesenan telah disebut, secara jelas walaupun tidak secara spesifiknya, merujuk kontrak pelesenan paten. Misalnya, perenggan 3.4 yang memperuntukkan pembangunan kemampuan mengurus harta intelek oleh individu mahir yang meliputi rangkaian aktiviti harta intelek termasuklah aktiviti pelesenan.

Selain itu, perenggan 3.5 juga turut menyebut tentang keperluan untuk mengkaji infrastruktur perniagaan berkaitan dengan urus niaga harta intelek. Salah satunya ialah pelesenan bagi tujuan membangunkan infrastruktur urus niaga harta intelek, manakala perenggan 3.8 pula menyatakan pelesenan sebagai salah satu mekanisme pemindahan teknologi.

DHIN juga menyebut dalam perenggan 5.3 tentang memajukan kaedah penilaian dan peraturan berkaitan dengan kontrak dan pelesenan serta memajukan pelepasan hak-hak harta intelek yang tidak dieksploitasi untuk

pengeksploitasian komersial melalui pelesenan bagi tujuan strategi untuk memajukan eksploitasi harta intelek. Pada perenggan 5.7 pula, penubuhan Institut Harta Intelek Negara yang menyediakan latihan tentang harta intelek seperti latihan berkaitan dengan pelesenan yang telah dijadikan strategi pembangunan sumber manusia dan kesedaran awam dalam hal harta intelek.

## **POLISI PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK BAGI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) YANG DIBIYAI KERAJAAN**

Polisi Pengkomersialan Harta Intelek Bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Yang dibiayai oleh Kerajaan merupakan polisi yang dikeluarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada tahun 2009. Salah satu objektif Polisi ini adalah untuk mempromosikan dan memudahkan eksploitasi dan pengkomersialan harta intelek yang dihasilkan daripada projek yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. Berdasarkan polisi ini, lesen merupakan hak untuk mengeksploitasi setiap hak harta intelek yang diberikan oleh pemilik, pemberi lesen, kepada orang lain, iaitu pemegang lesen dan juga merangkumi perkara berkaitan dengan sub-lesen. Melalui perenggan 8.3 (c) Polisi ini, pelesenan dirujuk sebagai salah satu cara eksploitasi harta intelek, manakala perenggan 10 Polisi menyebut tentang jenis-jenis pengkomersialan, salah satu daripadanya ialah pelesenan.

Berdasarkan perbincangan di atas, walaupun kontrak pelesenan harta intelek dinyatakan secara umum melalui peruntukan dalam dokumen Dasar Harta Intelek dan juga Polisi Pengkomersialan Harta Intelek bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan, namun pelaksanaan pelesenan harta intelek perlu mengambil kira panduan yang telah dinyatakan dalam dokumen-dokumen tersebut.

## **PERUNDANGAN YANG MENGAWAL KLAUSA DALAM KONTRAK LESEN PATEN DI MALAYSIA**

### **Akta Paten 1983**

Akta Paten 1983 merupakan undang-undang utama yang mengawal selia perkara berkaitan dengan paten di Malaysia. Melalui Akta ini dapat difahami bahawa urusan berkaitan dengan paten sama ada pendaftaran, hak-hak pemilik paten, eksploitasi paten, pelanggaran, penguatkuasaan



dan tindakan undang-undang boleh diambil dengan merujuk peruntukan dalam Akta Paten 1983.

Akta Paten 1983 yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 1986 bertujuan mengawal perkara berkaitan dengan paten. Akta Paten 1983 terdiri daripada 90 peruntukan yang dibahagikan kepada 15 Bahagian yang menyediakan perkara yang berikut: Pentadbiran paten seperti prosedur untuk permohonan paten termasuk proses untuk pemfailan, hak yang diberikan kepada pemilik paten, tindakan yang dikenakan jika terdapat pelanggaran paten dan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Perkara berkaitan pelesenan paten diperuntukkan di Bahagian IX dan Bahagian X yang menjelaskan tentang kontrak pelesenan paten dan juga lesen wajib.

Seksyen 45 Akta Paten 1983 memperuntukkan fasal tidak sah dalam kontrak pelesenan paten. Menurut seksyen 45 Akta Paten 1983, sekiranya kontrak pelesenan paten memasukkan terma yang mengenakan sekatan yang bukan berpunca daripada hak yang diberikan oleh Akta Paten 1983 kepada pemunya paten, maka fasal tersebut dianggap tidak sah setakat mana ia mengenakan sekatan tersebut. Hak-hak pemunya paten yang diberikan oleh Akta Paten 1983 terkandung dalam seksyen 36(1) Akta Paten 1983, iaitu hak mengeksploitasi paten, hak untuk menyerah hak paten dan hak untuk membuat kontrak lesen. Seksyen 45 Akta Paten 1983 juga menggariskan beberapa perkara yang tidak disifatkan sebagai sekatan, iaitu; sekatan terhadap skop, jangka masa eksploitasi paten, kawasan geografi, kualiti atau kuantiti keluaran yang berkaitan dengan paten; dan kewajipan yang dikenakan terhadap pemegang lesen untuk menahan diri daripada semua perbuatan yang boleh menjejaskan kesahan paten tersebut.

Melalui peruntukan tersebut, dapat difahami bahawa sekatan yang disenaraikan merupakan sekatan yang boleh dikenakan terhadap penerima lesen dalam kontrak lesen paten.

Selain itu, seksyen 45 Akta Paten 1983 tidak mewajibkan pemilik paten untuk melesenkan patennya kepada pihak lain. Perkara ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam seksyen 45 yang tidak menyebut tentang keperluan untuk melesenkan paten pada pihak lain. Walau bagaimanapun, melalui seksyen 84 Akta tersebut, kerajaan mempunyai hak untuk mengeksploitasi paten walaupun tanpa kebenaran pemilik paten dalam situasi berikut:

- (a) di mana terdapat kecemasan negara atau di mana kepentingan awam, khususnya, keselamatan negara, pemakanan, kesihatan atau pembangunan sektor penting lain dalam ekonomi negara

- sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan, memerlukannya; atau
- (b) jika pihak berkuasa kehakiman atau berkaitan telah menentukan bahawa cara eksploitasi oleh pemilik paten atau pemegang lesennya adalah antipersaingan,

Dalam hal ini, adalah jelas bahawa keengganan pemilik paten untuk melesenkan patennya kepada pihak lain bukanlah hak mutlak seorang pemilik paten kerana kerajaan berhak untuk mengeksploitasi paten tersebut melalui seksyen 84 walaupun tanpa kebenaran pemilik paten. Walau bagaimanapun, Akta Paten 1983 tidak mengenakan apa-apa penalti terhadap pemilik paten sekiranya pemilik paten enggan melesenkan patennya kepada pihak lain.

### **Akta Persaingan 2010**

Akta Persaingan 2010 telah dikuatkuasakan sejak Januari 2012 yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Akta ini terpakai untuk semua aktiviti komersial kecuali yang dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 3(4), Jadual Pertama<sup>5</sup> dan Jadual Kedua.<sup>6</sup>

<sup>5</sup> Jadual Pertama Akta Persaingan 2010 memperuntukkan perkara berikut:

1 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]

2 Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610]

Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 [P.U. (A) 432/1974] setakat yang aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah perundangan ini berkaitan secara langsung dengan aktiviti pengeluaran yang merangkumi aktiviti mengeksplorasi, mengeskloit, mendapatkan dan memperoleh petroleum sama ada di pantai atau di luar pantai Malaysia.

<sup>6</sup> Jadual Kedua Akta Persaingan 2010 memperuntukkan perkara berikut:

Bab 1 dan 2 Bahagian II tidak terpakai bagi—

(a) suatu perjanjian atau perlakuan setakat yang ia terlibat dalam suatu perintah untuk mematuhi suatu kehendak perundangan;

(b) aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif berkenaan dengan terma dan syarat penggajian dan yang dirunding atau diikat antara pihak yang termasuk kedua-dua majikan dan pekerja atau organisasi yang ditubuhkan untuk mewakili kepentingan majikan atau pekerja;

(c) suatu perusahaan yang diamanahkan dengan pengendalian perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am atau yang mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil setakat yang larangan di bawah Bab 1 dan Bab 2 Bahagian II akan menghalang pelaksanaan, di sisi undang-undang atau hakikat, tugas tertentu yang diberikan kepada perusahaan itu.

Akta ini mendefinisikan perjanjian sebagai “apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, sama ada boleh atau tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, antara perusahaan, dan termasuklah suatu keputusan oleh sesebuah persatuan dan amalan bersepadu”. Melalui pendefinisian tersebut, akta ini dengan jelasnya memperuntukkan tafsiran yang luas bagi definisi “perjanjian” yang membolehkan kontrak pelesenan paten termasuk dalam skop “perjanjian” seperti yang dinyatakan dalam seksyen 2 Akta Persaingan 2010.

Apabila kontrak pelesenan paten merupakan “perjanjian” seperti yang terkandung dalam seksyen 2 Akta Persaingan 2010, maka, peruntukan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010 adalah terpakai terhadap kontrak pelesenan paten. Akta Persaingan 2010 memperuntukkan melalui seksyen 4(1) bahawa perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan yang bertujuan mengakibatkan halangan, sekatan atau gangguan persaingan yang ketara dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan adalah dilarang. Perjanjian mendatar merujuk perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran, manakala perjanjian menegak pula ialah perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada tahap yang berbeza dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 2 Akta Persaingan 2010.

Peruntukan seterusnya dalam seksyen 4(2)(a) hingga (d) Akta Persaingan 2010 pula menganggap perjanjian mendatar yang bertujuan untuk menetapkan harga, berkongsi pasaran atau punca bekalan, menghadkan atau mengawal pengeluaran, capaian pasaran, pembangunan teknikal atau teknologi atau pelaburan atau tipuan bida, maka perjanjian tersebut disifatkan mempunyai matlamat menghalang persaingan yang ketara dalam pasaran barangan atau perkhidmatan.

Dalam konteks kontrak pelesenan paten, perjanjian antipersaingan boleh wujud sama ada dalam bentuk perjanjian mendatar atau menegak. Sebagai contoh, pemberi lesen ialah pengeluar barangan dan memeterai perjanjian dengan pesaingnya, manakala perjanjian mendatar berlaku apabila pemberi lesen merupakan pengeluar barangan dan melesenkan patennya kepada pengedar barangan. Selain itu, larangan yang disebutkan dalam seksyen 4 Akta Persaingan 2010 juga boleh berlaku dalam kontrak pelesenan paten. Misalnya, pemberi lesen yang menetapkan mengenai kontrak pelesenan paten tentang pelaksanaan sistem pemantauan harga atau meletakkan syarat supaya pemegang lesen dikehendaki melaporkan secara kerap harga produk yang dijual berdasarkan paten yang dilesenkan

merupakan satu contoh penetapan harga (Peraturan Pengecualian Blok Pemindahan Teknologi Kesatuan Eropah, 2019) yang boleh diklasifikasikan dalam seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010. Bagi kontrak pelesenan paten yang meletakkan syarat supaya pengeluaran barangan atau produk berasaskan paten yang dilesenkan dikawal atau dihadkan kepada jumlah tertentu atau memeterai kontrak pelesenan eksklusif yang meletakkan sekatan geografi tertentu juga tergolong dalam larangan yang disebut dengan jelas di bawah seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010.

Selain itu, Akta Persaingan 2010 juga melarang penyalahgunaan kedudukan dominan seperti yang terkandung dalam seksyen 10. Antara perlakuan yang disebut dalam peruntukkan tersebut termasuklah:

- (1) Suatu perusahaan dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan;
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—
  - (a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;
  - (b) membataskan atau mengawal—
    - (i) pengeluaran;
    - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
    - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
    - (iv) pelaburan, sehingga memudaratkan pengguna;
  - (c) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;
  - (d) mengenakan syarat yang berlain kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—
    - (i) tidak menggalakkan kemasukan baharu dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;

- (ii) memaksa keluar daripada pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau
- (iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau huluan;
- (e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk pada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;
- (f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau
- (g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

Dalam keadaan apabila kontrak pelesenan paten melanggar peruntukan yang terkandung dalam seksyen 4 dan seksyen 10, maka pihak-pihak yang berkontrak boleh dikenakan penalti oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) seperti yang termaktub dalam seksyen 40 Akta tersebut. Tiada peruntukan khusus berkaitan dengan kesahan perjanjian antipersaingan dalam Akta Persaingan 2010. Namun demikian, rujukan boleh dibuat pada seksyen 24 Akta Kontrak 1950 yang menyatakan bahawa perjanjian antipersaingan ialah perjanjian yang mengandungi “tujuan yang dilarang oleh undang-undang” seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta Kontrak 1950.

### **Akta Kontrak 1950**

Kontrak menurut seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950 merupakan perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Menurut seksyen 10(1) Akta Kontrak 1950, semua perjanjian ialah kontrak sekiranya dibuat atas kerelaan bebas oleh pihak-pihak yang layak berkontrak, untuk suatu balasan yang sah dan dengan tujuan yang sah dan tidak ditetapkan dengan nyata bahawa kontrak tersebut batal.

Namun begitu, kontrak akan menjadi tidak sah sekiranya mengandungi salah satu perkara yang disenaraikan dalam seksyen 24 Akta Kontrak 1950. Menurut seksyen 24 Akta Kontrak 1950, sesuatu perjanjian yang

mempunyai tujuan yang dilarang oleh undang-undang akan menyebabkan kontrak tersebut tidak sah. Menurut seksyen 24 Akta Kontrak 1950, “balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah sah kecuali: (a) ianya dilarang oleh undang-undang; atau (b) ianya bersifat sedemikian rupa jika dibenarkan, maka ianya akan mengecewakan peruntukan mana-mana undang-undang; atau (c) ianya merupakan frod; atau (d) ianya mendatangi atau melibatkan bencana kepada diri atau harta orang lain; atau (e) mahkamah menganggapnya tak bermoral, atau bertentangan dengan muslihat awam”. Oleh itu, sekiranya kontrak lesen dimasuki oleh pihak pemegang lesen dan pemberi lesen mempunyai matlamat seperti yang disenaraikan dalam seksyen 24 Akta Kontrak 1950, maka kontrak tersebut akan menjadi tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang.

### **Garis Panduan Undang-Undang Persaingan dan Harta intelek**

Garis Panduan Hak Harta Intelekt dan Undang-undang Persaingan yang telah digazetkan pada 5 April 2019 merupakan Garis Panduan yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Garis Panduan tersebut bertujuan untuk memberikan panduan dan penjelasan tentang skop yang boleh dilaksanakan oleh Undang-Undang Persaingan bagi perkara berkaitan dengan harta intelek.

Perenggan 3.2 Garis Panduan Hak Harta Intelekt dan Undang-Undang Persaingan menyatakan secara jelas bahawa harta intelek termasuk dalam bidang kuasa Undang-Undang Persaingan, apabila merujuk takrifan “barang” di bawah Akta Persaingan 2010 yang meliputi semua jenis harta, sama ada “ketara atau tidak ketara.” Menurut Garis Panduan tersebut, harta intelek memberikan hak eksklusif kepada pemilik paten bagi tujuan pembuatan dan pemasaran yang membolehkan mereka memeterai perjanjian dengan pihak lain bagi tujuan untuk mengkomersialkan harta intelek. Tindakan ini selaras dengan salah satu matlamat sistem harta intelek, iaitu menggalakkan inovasi baharu dan berterusan. Namun begitu, hak eksklusif yang diberikan ini boleh menjejaskan persaingan dalam pasaran. Sebagai contoh, apabila pemilik paten mengenakan syarat pada pemegang lesen supaya menghadkan jumlah produk yang dihasilkan berasaskan paten akan menyebabkan persaingan dalam pasaran hiliran terbatas dan seterusnya membolehkan harga produk yang dihasilkan berasaskan paten tersebut dinaikkan. Dalam konteks Undang-Undang Persaingan, harga tinggi dan lebihan keuntungan yang tidak menjadi

sebahagian daripada ganjaran yang sepatutnya daripada inovasi paten tersebut merupakan hasil daripada perjanjian antipersaingan.

Perenggan 3.5 Garis Panduan Hak Harta Intelekt dan Undang-Undang Persaingan pula dengan jelas menyatakan bahawa mekanisme untuk mengawal penyalahgunaan hak harta intelek telah diletakkan dalam rejim harta intelek, iaitu melalui seksyen 45 Akta Paten 1983 berhubung dengan perkara berkaitan dengan penyalahgunaan paten. Perkara ini menunjukkan bahawa Garis Panduan Hak Harta Intelekt dan Undang-Undang Persaingan dibangunkan bagi tujuan memberikan panduan yang jelas tentang pendekatan MyCC terhadap isu harta intelek berkaitan dengan persaingan mengikut Akta Persaingan 2010.

## **PERUNDANGAN YANG MENGAWAL KLAUSA DALAM KONTRAK LESEN PATEN: PENGALAMAN DI KESATUAN EROPAH DAN UNITED KINGDOM**

Di United Kingdom, perkara berkaitan dengan paten terkandung dalam Akta Paten United Kingdom 1977. Akta tersebut mengandungi 132 peruntukan dan perkara yang berkaitan dengan pelesenan paten disediakan secara khusus di bawah tajuk “lesen hak dan lesen wajib” yang diperuntukkan dalam seksyen 46 sehingga seksyen 51. Sebelum pindaan dibuat terhadap Akta Paten United Kingdom 1977, terdapat satu peruntukan khusus yang menyebut dengan jelas klausa yang boleh dimasukkan dalam kontrak lesen paten, namun klausa tersebut dimansuhkan apabila Akta Persaingan United Kingdom 1998 diperkenalkan.

Walaupun peruntukan tersebut telah tiada, namun, seksyen 51(1) Akta Paten United Kingdom 1977 menyatakan bahawa tindakan boleh diambil berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Persaingan United Kingdom bahawa seseorang itu terlibat dalam amalan antipersaingan yang bertentangan dengan kepentingan awam. Seksyen 51(3) Akta Paten 1977 pula memberikan contoh amalan yang bertentangan dengan kepentingan awam seperti mengenakan sekatan terhadap penggunaan ciptaan oleh pemegang lesen atau menyekat hak pemilik paten untuk memberikan lesen kepada orang selain pemegang lesen sebagai syarat dalam lesen paten, atau keengganan pemilik paten untuk memberikan lesen dengan syarat yang munasabah.

Seperti juga di Malaysia, kontrak pelesenan paten di United Kingdom juga tertakluk pada Garis Panduan yang dikenali sebagai *Guidelines on the Application of Article 101 of the Treaty on the Functioning*

*of the European Union (TFEU) to Technology Transfer Agreements* (Garis Panduan Pemindahan Teknologi) yang diguna pakai bagi tujuan memastikan pemilik paten tidak menyalahgunakan haknya melalui terma yang dimasukkan dalam kontrak pelesenan paten. Garis Panduan tersebut menyatakan bahawa pemindahan teknologi yang dimaksudkan biasanya wujud dalam bentuk pelesenan dan teknologi tersebut dipindahkan daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain. Melalui perenggan 7 Garis Panduan Pemindahan Teknologi tersebut, ada menyebut dengan jelas bahawa walaupun undang-undang harta intelek memberikan hak eksklusif untuk mengeksploitasi harta intelek kepada pemiliknya, namun hak tersebut tidak terkecuali daripada campur tangan Undang-Undang Persaingan. Dalam kes *Parke, Davis & Co Ltd lwn Probel<sup>7</sup>* misalnya, mahkamah memutuskan bahawa ada kemungkinan Perkara 101(1) TFEU (berkaitan dengan Undang-Undang Persaingan) boleh digunakan jika penggunaan paten membawa kepada situasi yang menyebabkan pelanggaran terhadap Undang-Undang tersebut. Menurut Anderman dan Schmidt (2011), Undang-Undang Persaingan tidaklah terpakai secara langsung untuk pelaksanaan undang-undang harta intelek, dalam konteks ini, kontrak pelesenan paten. Namun begitu, Undang-Undang Persaingan hanya terpakai apabila digunakan sebagai alat untuk penyalahgunaan kuasa pasaran oleh pemilik paten, atau dengan tujuan untuk menyekat persaingan di pasaran.

## **ANALISIS BERKAITAN PERUNDANGAN YANG MENGAWAL KLAUSA DALAM KONTRAK LESEN PATEN**


Perbincangan di atas menunjukkan bahawa beberapa peruntukan undang-undang telah diwujudkan bagi tujuan mengawal terma yang dimasukkan dalam kontrak lesen. Kawalan yang diwujudkan dalam bentuk undang-undang juga merupakan salah satu daripada pematuhan Malaysia terhadap Perjanjian TRIPS selaku salah sebuah negara yang menandatangani Perjanjian tersebut yang diringkaskan dalam Rajah 1.

Selain itu, perbincangan yang telah dibuat juga mendapati Akta Paten 1983 merupakan salah satu undang-undang yang mengandungi peruntukan khusus untuk mengawal terma dalam kontrak pelesenan paten melalui seksyen 45 seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Seksyen 45 Akta Paten 1983 menyatakan tentang implikasi undang-undang sekiranya sekatan yang bukan berpunca daripada hak pemunya

<sup>7</sup> [1968] ECR 55.





**Rajah 1** Undang-undang yang mengawal terma kontrak lesen.

paten dimasukkan dalam kontrak lesen paten. Seksyen 45 tersebut menyatakan sekiranya kontrak lesen paten mengandungi klausa atau peruntukan yang mengenakan sekatan yang bukan berpunca daripada hak yang diberikan oleh Akta Paten 1983 kepada pemunya paten, maka klausa tersebut dianggap tidak sah setakat mana pemunya paten mengenakan sekatan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa terma-terma lain dalam kontrak pelesenan paten boleh diteruskan tanpa menjejaskan kesahan kontrak. Seksyen 45 juga tidak menyatakan tentang kewajipan pemilik paten untuk melesenkan patennya kepada pihak lain. Oleh itu, pemilik paten bebas untuk menentukan sama ada terdapat keperluan untuk melesenkan patennya atau tidak kepada pihak lain.

Persoalan yang wujud di sini ialah undang-undang yang manakah yang terpakai terhadap pemilik paten apabila pemilik paten enggan melesenkan patennya kepada pihak lain? Akta Paten 1983 tidak memperuntukkan tentang perkara ini dalam seksyen 45 kerana hal tersebut merupakan kebebasan pemilik paten sama ada untuk melesenkan atau enggan melesenkan patennya pada pihak lain. Namun begitu, sekiranya merujuk pada Akta Persaingan 2010, keadaan ini boleh menyebabkan pelanggaran Akta tersebut dan dikenakan penalti.

Berbeza dengan pendekatan di United Kingdom seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, peruntukan yang berkaitan dengan terma dalam kontrak pelesenan paten, iaitu seksyen 44 Akta Paten United Kingdom 1977 (mirip seksyen 45 Akta Paten 1983) telah dimansuhkan oleh seksyen 70 Akta Persaingan United Kingdom 1998 supaya ia dapat

membantu penguatkuasaan undang-undang persaingan serta mematuhi arahan daripada Kesatuan Eropah mengenai penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan (J.B Kobak, 2000). Walaupun peruntukan tersebut telah dimansuhkan, namun masih terdapat peruntukan lain seperti dalam seksyen 51 Akta Paten United Kingdom 1977 yang secara tidak langsung mengenakan sekatan terhadap pemilik paten supaya tidak sewenang-wenangnya meletakkan apa-apa jua syarat dalam kontrak pelesenan paten. Melalui peruntukan seksyen 51 Akta tersebut seperti perbincangan di atas, walaupun tidak dinyatakan bahawa terdapat kewajipan bagi pemilik paten untuk melesenkan patennya kepada pihak lain, namun, sekiranya pemilik paten enggan melesenkan patennya dengan syarat yang munasabah, hal ini merupakan amalan antipersaingan yang bertentangan dengan kepentingan awam dan boleh diambil tindakan.

## **CADANGAN**

Berdasarkan analisis perbincangan di atas, pendekatan yang dibuat di United Kingdom misalnya menunjukkan bahawa kontrak pelesenan paten tidak hanya ditadbir oleh undang-undang paten, malah kontrak ini tertakluk pada beberapa undang-undang lain seperti Undang-Undang Persaingan. Bagi tujuan memastikan terdapat kesinambungan penguatkuasaan terhadap kontrak pelesenan paten, maka Akta Paten United Kingdom 1977 telah meminda beberapa peruntukan bagi tujuan tersebut seperti yang dibincangkan di atas.

Bagi tujuan memantapkan pelaksanaan kontrak pelesenan paten, terdapat keperluan untuk melihat semula seksyen 45 Akta Paten 1983 di samping memperhalus isu sama ada Akta Paten 1983 dan Akta Persaingan 2010 setara antara satu sama lain, atau salah satu undang-undang tersebut mengatasi undang-undang yang satu lagi. Hal ini adalah perlu untuk memastikan agar kedua-dua undang-undang tersebut saling lengkap-melengkapi dan tidak mendatangkan kekeliruan bagi pelaksanaan kontrak pelesenan paten pada masa hadapan.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa kebebasan yang diberikan kepada pihak-pihak yang memasuki kontrak lesen paten untuk memasukkan klausa tertentu dalam kontrak tersebut masih tertakluk pada beberapa panduan yang telah diwujudkan dalam bentuk dasar, polisi dan juga undang-undang bertulis. Memandangkan terdapat keperluan

untuk menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada seperti yang dibincangkan di atas, adalah diharapkan penambahbaikan tersebut dapat membantu melancarkan pemeteraian kontrak pelesenan paten bagi tujuan pengkomersialan hasil penyelidikan.

## PENGHARGAAN

Makalah ini ialah hasil daripada “GERAN USIM-RACER” bertajuk “The Investigation on Factors Affecting Non-Commercialisation of Research Products in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)” (PPPI/USIM-RACER\_0120/FSU/051000/11020).

## RUJUKAN

- Akta Kontrak 1950 (Akta 136).  
Akta Paten 1983 (Akta 291).  
Akta Persaingan 2010 (Akta 712).  
Anderman, S. & Schmidt, H. (2011). *EU competition law and intellectual property rights: The regulation of innovation* (Second Edn). Oxford University Press.  
AR Biswas. (2008). *Encyclopedic law dictionary (legal & commercial)* (3<sup>rd</sup> Edn.). Wadhwa and Company.  
Bielefield, A. & Cheesemen, L. (1999). *Interpreting and negotiating licensing agreements*. Neal-Schuman Publishers.  
Daniel, F. Spulber. (2020). Antitrust policy toward patent licensing: Why NEGOTIATION MATTERS. *Minnesota Journal of Law, Science and Technology*, 22, 83-162, 2020.  
Deepa Varadarajan. (2019). The uses of IP misuse. *Emory Law Journal*, 68, 739.  
Diggins, B. (1955). The patent-antitrust problem. *Michigan Law Review*, 53, 1093-1118.  
Donnem, R. W. (1969). The antitrust attack on restrictive patent license provisions. *Antitrust Bulletin*, 14(4), 749-766.  
Garis Panduan Hak Harta Intelek dan Undang-Undang Persaingan. (2019). Dicapai pada 8 Februari 2021 daripada MyCC, <http://www.myc.gov.my/guideline.asp>  
Hodkinson, K. (1987). *Protecting and exploiting new technology and designs*. E. & F. N. Spon Ltd.  
Kligler, S. H. (1948). Recent judicial limitation of the patent license contract. *Journal of the Patent Office Society*, 30(9), 685-696.  
Kobak, J. B. (2000). Intellectual property misuse: Licensing and litigation. *ABA Section of Antitrust Law, United States of America*, 152.

- Layne-Farrar, A., & Stark, R. J. (2020). License to All or Access to All? Law and economic assessment of standard development organizations' licensing rules. *George Washington Law Review*, 88(6), 1307-1349.
- Mallinckrodt, Inc v Medipart, Inc*. 976 F.2d 700 (Fed. Cir. 1992).
- Marquis, H. (1972). Limitations on patent license restrictions: Some observations. *Iowa Law Review*, 58(1), 41-106.
- Miljkovic, S., & Vasic, A. (2017). On (un)enforceability of restrictive clauses in patent license agreement. *Zbornik Radova Pravnog Fakulteta Splitu*, 54(3) 637-644.
- Mohamad Amiro Safwan Mohd Kamil, Mohd Sofian Mohd Resali, Muhd Syamel Yusoff, Khairul Naim Mansor & Mohd Hasrul Wahab (Eds.). (2016). *Al-Quran al-Karim (Al-Quran Tafsir Bil Hadis)*. Karya Bistari Sdn Bhd.
- Morton Salt v Suppinger* 314 U.S. 488 (1942).
- Motion Picture Patents Co. v Universal Film Co* 243 U.S. 502 (1917).
- Nordhaus, R. C. (1996). Patent license agreements. *Business Lawyer (ABA)*, 21(3) 643-660.
- Parke, Davis & Co Ltd v Probel* [1968] ECR 55.
- Perot, E. (2014). Maximising utility: Applying utilitarian theory to international patent law. *King's Student Law Review*, 58, 67-68.
- Petrevska, L. B., & Petrevska, M. B. (2015). License agreement. *International Journal of Economics and Law*, 5, 53-58.
- Rope, N. (2014). Limiting unfettered challenges to patent Validity: Upholding no-challenge clauses in pre-litigation patent settlements between preexisting parties to a license. *Cardozo Law Review*, 35, 1655.
- See, H., & Caprio, F. M. (1990). The trouble with Brulotte: The patent royalty term and patent monopoly extension. *Utah Law Review*, 4, 813-854, 1990.
- Venit, J. S. (1985). EEC patent licensing revisited: The Commission's Patent license regulation. *Antitrust Bulletin*, 30(2), 457-526.
- Windsurfing International v Comission* [1986] ECR 61.
- WIPO. (1997). *Introduction to intellectual property theory and practice*. Kluwer Law International.
- Zaid Hamzah. (2006). *Intellectual property law & strategy*. Sweet & Maxwell Asia.